


TERHAD

*MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA  
(MALAYSIAN EXAMINATIONS COUNCIL)*



**PEPERIKSAAN  
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA**  
*(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE EXAMINATION)*

**Manual Pentaksiran Berasaskan Sekolah  
Kerja Kursus Sejarah  
Kertas 4 (940/4)**

**Penggal 2 Tahun 2016**

**PERINGATAN:**

Manual ini khusus kegunaan guru atau pemeriksa dan calon sahaja.

---

Manual ini terdiri daripada **20** halaman bercetak.  
© Majlis Peperiksaan Malaysia 2015

TERHAD

**KANDUNGAN**

	<i>Halaman</i>
1 Pengenalan	3
2 Objektif	3
3 Pelaksanaan Kerja Kursus Esei Ilmiah Sejarah	3–8
3.1 Arahan Kerja Kursus Sejarah	
3.2 Tanggungjawab Pengetua	
3.3 Tanggungjawab Guru	
3.4 Tanggungjawab Pemeriksa	
3.5 Tanggungjawab Guru Sekolah Swasta	
3.6 Tanggungjawab Calon Sekolah Kerajaan, Sekolah Bantuan Kerajaan, dan Sekolah Swasta	
3.7 Tanggungjawab Calon Persendirian Individu	
3.8 Kes Plagiat Kerja Kursus	
4 Jadual Perancangan dan Pelaksanaan	9–12
5 Format Penulisan	12–13
6 Struktur Penulisan	13
7 Borang Kerja Kursus	14–17
8 Borang Rumusan Markah Kerja Kursus Calon	18
9 Kertas 940/4	19–20

**1 PENGENALAN**

Kerja kursus bagi kertas Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) Sejarah STPM (940/4) merupakan salah satu komponen sukatan pelajaran Sejarah STPM (940). Kerja kursus ini memerlukan calon menjalankan penyelidikan sejarah berdasarkan tajuk pilihan mereka sendiri. Pada akhir kerja kursus, calon dikehendaki membentangkan esei ilmiah. Panjang esei tersebut adalah antara 2500 hingga 3000 patah perkataan, tidak termasuk kertas cadangan, nota kaki, jadual, rajah, graf, dan bibliografi.

**2 OBJEKTIF**

Kerja kursus ini dilaksanakan dengan tujuan untuk menilai keupayaan calon

- (a) memperoleh kemahiran mengumpul, memilih, menilai, dan mentafsir sumber sebagai bukti sejarah
- (b) mengembangkan kemahiran insaniah
- (c) menganalisis dan merumuskan fakta sejarah secara kritis dan rasional
- (d) menghayati kepentingan peristiwa, tokoh, isu, dan perubahan sosial dalam masyarakat.

**3 PELAKSANAAN KERJA KURSUS**

Calon dikehendaki memilih satu tajuk daripada empat tema yang ditentukan pada tahun berkenaan oleh pihak Majlis Peperiksaan Malaysia. Tema-tema tersebut terdiri daripada senarai di bawah:

- Sejarah ekonomi
- Sejarah kehakiman dan perundangan
- Sejarah ketenteraan
- Sejarah kulinari dan makanan
- Sejarah kumpulan etnik/kaum/klan/suku kaum
- Sejarah pendidikan
- Sejarah perubatan dan kesihatan
- Sejarah politik
- Sejarah sains dan teknologi
- Sejarah seni dan kebudayaan
- Sejarah sukan
- Sejarah tempat
- Sejarah tokoh

Calon boleh memilih mana-mana tajuk daripada kajian Sejarah Malaysia, Sejarah Asia Tenggara, Sejarah Islam, dan Sejarah Dunia bermula dari tahun 500 Masihi hingga tahun 2000 Masihi. Pemilihan tajuk tidak terikat dengan kandungan pelajaran yang telah dipelajari dalam sukatan pelajaran Sejarah STPM 940.

## TERHAD

### 3.1 Arahan kerja kursus

- (a) Tajuk kajian hendaklah dipilih daripada empat tema yang ditentukan oleh MPM. Calon dikehendaki membina tajuk kajian berdasarkan tema yang dipilih itu.
- (b) Calon dikehendaki menyediakan kerja kursus dalam tempoh daripada bulan Januari hingga bulan Mac dan membentangkan kerja kursus pada bulan April.
- (c) Masa yang diperuntukkan untuk pembentangan ialah 10 minit dan sesi soal jawab selama 5 minit.

### 3.2 Tanggungjawab Pengetua

- (a) Memastikan semua calon yang menghasilkan penulisan esei ilmiah mendapat bimbingan daripada guru
- (b) Memastikan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran teori dan kaedah penyelidikan sejarah dilaksanakan oleh guru di dalam kelas
- (c) Memastikan penulisan esei ilmiah dilaksanakan dengan teratur dalam tempoh yang ditetapkan
- (d) Memastikan penulisan esei ilmiah calon dihantar kepada guru mengikut tarikh yang ditetapkan
- (e) Memastikan guru menghantar markah penulisan esei ilmiah calon kepada MPM mengikut tarikh yang ditetapkan
- (f) Mengesahkan markah penulisan esei ilmiah yang diperolehi calon dengan menandatangani boring rumusan markah yang dicetak daripada perisian *e-submission*
- (g) Memastikan penyediaan ruang untuk penyimpanan evidens penulisan esei ilmiah calon di sekolah
- (h) Memastikan guru menyimpan evidens penulisan esei ilmiah calon dari tarikh penghantaran hingga tarikh keputusan STPM diumumkan markah melalui *e-submission*
- (i) Memastikan evidens penulisan esei ilmiah calon dilupuskan dalam tempoh **enam bulan** selepas tarikh keputusan STPM diumumkan

### 3.3 Tanggungjawab Guru

- (a) Melayari portal MPM untuk memuat turun Manual PBS Sejarah yang disediakan oleh MPM untuk guru, pemeriksa, dan calon
- (b) Memberikan penerangan kepada calon tentang pelaksanaan penulisan esei ilmiah
- (c) Membimbing calon untuk memilih tajuk penulisan esei ilmiah berdasarkan empat pilihan tema yang ditetapkan oleh MPM
- (d) Melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) bagi penulisan esei ilmiah
- (e) Membimbing calon sepanjang tempoh penulisan esei ilmiah
- (f) Memberikan peluang kepada calon untuk menambah baik kualiti penulisan masing-masing
- (g) Memastikan semua calon menghantar penulisan esei ilmiah untuk disemak dan dinilai
- (h) Menyemak dan menilai penulisan esei ilmiah yang dihasilkan oleh calon sebelum sesi pembentangan
- (i) Mengadakan sesi pembentangan penulisan esei ilmiah
- (j) Menilai pembentangan calon secara individu

## TERHAD

- (k) Menghantar markah penulisan esei ilmiah calon kepada MPM dengan menggunakan perisian *e-submission* mengikut tarikh yang ditetapkan
- (l) Menandatangani boring rekod kerja kursus calon, borang perakuan calon, dan borang markah kerja kursus calon
- (m) Menguruskan penyediaan sampel penulisan esei ilmiah untuk penyelarasan markah oleh Ketua Penyelaras Kebangsaan (KPK)
- (n) Menyimpan evidens penulisan esei ilmiah dari tarikh penghantaran markah melalui *e-submission* hingga keputusan STPM diumumkan
- (o) Melupuskan evidens penulisan esei ilmiah dalam tempoh **enam bulan** selepas tarikh keputusan STPM diumumkan.

### 3.4 Tanggungjawab Pemeriksa

*(Guru sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan yang dilantik sebagai pemeriksa kerja kursus calon sekolah swasta dan calon persendirian individu)*

#### 3.4.1 Tanggungjawab Pemeriksa Calon Sekolah Swasta

- (a) Melayari portal MPM untuk memuat turun Manual PBS Sejarah yang disediakan oleh MPM untuk guru, pemeriksa, dan calon
- (b) Menandatangani borang rumusan markah kerja kursus calon (Borang 7b)
- (c) Menyemak dan menilai penulisan esei ilmiah calon berdasarkan rubrik yang ditetapkan oleh MPM
- (d) Menghantar markah penulisan esei ilmiah calon kepada MPM dengan menggunakan perisian *e-submission* mengikut tarikh yang ditetapkan
- (e) Menyediakan sampel penulisan esei ilmiah yang dihasilkan oleh calon untuk penyelarasan markah oleh Ketua Penyelaras Kebangsaan (KPK)
- (f) Menyimpan evidens penulisan esei ilmiah calon di JPN yang ditetapkan dari tarikh penghantaran markah melalui *e-submission* hingga tarikh keputusan STPM diumumkan (*bagi sekolah swasta yang tidak dibenarkan untuk menyimpan evidens penulisan esei ilmiah sahaja*)
- (g) Melupuskan evidens penulisan esei ilmiah calon dalam tempoh **enam bulan** selepas tarikh keputusan STPM diumumkan (*bagi sekolah swasta yang tidak dibenarkan untuk menyimpan evidens penulisan esei ilmiah sahaja*)

#### 3.4.2 Tanggungjawab Pemeriksa Calon Persendirian Individu

- (a) Melayari portal MPM untuk memuat turun Manual PBS Sejarah yang disediakan oleh MPM untuk guru, pemeriksa, dan calon
- (b) Menemui calon untuk memberikan penerangan tentang pelaksanaan penulisan esei ilmiah dari aspek pelaksanaan tugas, penilaian tugas, dan tarikh akhir penyerahan tugas
- (c) Menyerahkan tema esei ilmiah kepada calon
- (d) Memastikan calon menulis esei ilmiah tanpa **meniru, menyalin**, atau **menciplak** esei daripada mana-mana sumber
- (e) Memastikan calon menghantar esei ilmiah untuk disemak dan dinilai. Sekiranya calon **tidak menghantar esei ilmiah**, calon akan diberikan **gred X**.

## TERHAD

- (f) Menyemak dan menilai penulisan esei ilmiah calon berdasarkan rubric yang ditetapkan oleh MPM
- (g) Menandatangani borang perakuan calon (Borang 7d) yang telah ditandatangani oleh calon dan borang markah kerja kursus calon (Borang 7b)
- (h) Menghantar markah penulisan esei ilmiah calon kepada MPM dengan menggunakan perisian *e-submission* mengikut tarikh yang ditetapkan
- (i) Menyediakan sampel penulisan esei ilmiah yang dihasilkan oleh calon untuk penyelarasan markah oleh Ketua Penyelaras Kebangsaan (KPK)
- (j) Menyimpan evidens penulisan esei ilmiah calon di JPN yang ditetapkan dari tarikh penghantaran markah melalui *e-submission* hingga tarikh keputusan STPM diumumkan
- (k) Melupuskan evidens penulisan esei ilmiah calon dalam tempoh **enam bulan** selepas tarikh keputusan STPM diumumkan

### 3.5 Tanggungjawab Guru Sekolah Swasta

- (a) Melayari portal MPM untuk memuat turun Manual PBS Sejarah yang disediakan oleh MPM untuk guru, pemeriksa, dan calon
- (b) Memberikan penerangan kepada calon tentang pelaksanaan penulisan esei ilmiah dari aspek tugas
- (c) Menjalankan P&P bagi kaedah penyelidikan dan penulisan esei Sejarah
- (d) Membimbing calon menghasilkan penulisan esei ilmiah
- (e) Memastikan calon menulis esei ilmiah tanpa **meniru**, **menyalin**, atau **menciplak** esei daripada mana-mana sumber
- (f) Menandatangani boring perakuan calon (Borang 7d) yang telah ditandatangani oleh calon
- (g) Memastikan semua calon menghantar esei ilmiah untuk disemak dan dinilai oleh pemeriksa yang dilantik oleh MPM. Sekiranya calon **tidak menghantar esei ilmiah**, calon akan diberikan **gred X**
- (h) Menyerahkan penulisan esei ilmiah yang dihantar oleh calon kepada pemeriksa yang dilantik oleh MPM untuk disemak dan dinilai.

### 3.6 Tanggungjawab Calon Sekolah Kerajaan, Sekolah Bantuan Kerajaan, dan Sekolah Swasta

- (a) Mengikuti penerangan guru mengenai pelaksanaan penulisan esei ilmiah
- (b) Merancang jadual kerja
- (c) Membincangkan pemilihan tajuk penulisan esei ilmiah bersama-sama dengan guru berdasarkan empat pilihan tema yang ditetapkan oleh MPM
- (d) Mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran (P&P) bagi kaedah penyelidikan dan penulisan esei sejarah
- (e) Menghasilkan penulisan esei ilmiah berdasarkan tema yang dipilih
- (f) Mengadakan pertemuan dengan guru dari semasa kesemasa untuk membincangkan hal-hal berkenaan dengan penulisan esei ilmiah dan merekodkannya dalam borang rekod kerja kursus calon
- (g) Mengelakkan diri daripada membincangkan hal-hal sensitif dalam penulisan esei ilmiah, seperti hal-hal sensitif yang berkaitan dengan agama, perkauman, politik, dan budaya
- (h) Melampirkan surat kebenaran untuk menjalankan penyelidikan kerja kursus daripada syarikat atau institusi dan surat akuan daripada pengetua sekolah (jika berkaitan)
- (i) Melampirkan borang soal selidik (jika berkaitan)
- (j) Menghantar penulisan esei ilmiah kepada guru sebelum tarikh akhir penyerahan tugas
- (k) Membentangkan penulisan esei ilmiah secara individu
- (l) Mengadakan pembentangan termasuk sesi soal jawab selama **sepuluh hingga lima belas minit** bagi setiap calon
- (m) Menjawab soalan yang dikemukakan oleh guru dan rakan semasa sesi pembentangan
- (n) Menggunakan alat bantu yang sesuai, seperti *powerpoint*, LCD, OHP, dan lain-lain untuk memaparkan isi penting sahaja
- (o) Mengelakkan diri daripada membaca keseluruhan esei ilmiah sewaktu sesi pembentangan
- (p) Menandatangani borang rekod kerja kursus calon dan borang perakuan calon

### 3.7 Tanggungjawab Calon Persendirian Individu

- (a) Melayari portal MPM untuk memuat turun Manual PBS Sejarah yang disediakan oleh MPM untuk guru, pemeriksa, dan calon
- (b) Bertemu dengan pemeriksa untuk mendapatkan maklumat tentang pelaksanaan penulisan esei ilmiah dari aspek pelaksanaan tugas, penilaian tugas, dan tarikh akhir penyerahan tugas
- (c) Mendapatkan tema penulisan esei ilmiah daripada pemeriksa
- (d) Menulis esei ilmiah secara individu
- (e) Menulis esei ilmiah tanpa **meniru**, **menyalin**, atau **menciplak** esei daripada mana-mana sumber

## TERHAD

- (f) Menghantar penulisan esei ilmiah kepada pemeriksa yang dilantik oleh MPM pada tarikh yang ditetapkan untuk disemak dan dinilai
- (g) Menambah baik penulisan esei ilmiah dari semasa ke semasa sebelum tarikh akhir penghantaran
- (h) Menandatangani borang perakuan calon (Borang 7d). Borang perakuan hendaklah ditandatangani setelah selesai semua penulisan esei ilmiah

### 3.8 KesPlagiatKerjaKursus

- (a) Calon mestilah menulis esei ilmiah sendiri, berdasarkan tema yang disediakan oleh MPM, tanpa **meniru, menyalin**, atau **menciplak** esei daripada mana-mana sumber
- (b) Jika calon didapati **meniru, menyalin**, atau **menciplak** mana-mana bahagian esei, calon akan diberikan **0 markah** pada bahagian berkenaan.
- (c) Jika calon didapati **meniru, menyalin**, atau **menciplak keseluruhan** kandungan esei daripada mana-mana sumber, calon akan diberikan **0 markah** untuk esei berkenaan.



4 JADUAL PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN

<i>Tempoh</i>	<i>Perkara</i>	<i>Tindakan Guru</i>	<i>Tindakan Calon</i>	<i>Catatan</i>
18 Disember 2015	Manual kerja kursus: Penulisan esei ilmiah  ➤ MPM muat naik Manual Kerja Kursus dan tema kerja kursus pada <b>18 Disember 2015</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melayari portal MPM untuk memuat turun Manual Kerja Kursus: Penulisan Esei Ilmiah berserta dengan tema yang disediakan oleh MPM untuk calon</li> <li>• Menghubungi calon persendirian individu yang telah ditetapkan oleh JPN untuk memaklumkan tarikh, masa, dan tempat untuk bertemu</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melayari portal MPM untuk memuat turun Manual Kerja Kursus: Penulisan Esei Ilmiah berserta dengan tema yang disediakan oleh MPM</li> </ul>	Tarikh pertemuan akhir antara guru dengan calon sekolah swasta dan individu adalah pada <b>16 Februari 2016.</b>
4 Januari hingga 8 Januari 2016	Pengenalan kepada ilmu sejarah, kaedah penyelidikan, dan penulisan sejarah	<ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Menjelaskan konsep dan teori ilmu sejarah</li> <li>(b) Menghuraikan kaedah penyelidikan</li> <li>(c) Menunjukkan langkah-langkah dalam penulisan sejarah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Memahami konsep dan teori ilmu sejarah</li> <li>(b) Memahirkan diri dengan tatacara dalam penyelidikan sejarah</li> <li>(c) Mengenal pasti langkah-langkah yang perlu dilaksanakan dalam penulisan sejarah</li> </ul>	

**TERHAD**

<i>Tempoh</i>	<i>Perkara</i>	<i>Tindakan Guru</i>	<i>Tindakan Calon</i>	<i>Catatan</i>
9 Januari hingga 19 Januari 2016	Penyediaan Cadangan Penyelidikan	<ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Membimbing pemilihan tajuk oleh calon</li> <li>(b) Menerangkan cara menulis tujuan dan menunjukkan contohnya</li> <li>(c) Membimbing calon mengenal pasti isu-isu yang hendak dikaji</li> <li>(d) Membimbing calon mengenal pasti bahan rujukan yang berkaitan dengan tajuk</li> <li>(e) Menunjukkan contoh esei ilmiah</li> <li>(f) Menerangkan kepelbagaian kaedah yang sesuai dalam penyelidikan sejarah</li> <li>(g) Menerangkan pembahagian struktur esei berdasarkan contoh-contoh penulisan yang baik</li> <li>(h) Menerangkan teknik membuat rumusan dan kesimpulan</li> <li>(i) Menerangkan format menulis bibliografi dan memberi contoh yang sesuai</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Memilih tajuk yang sesuai</li> <li>(b) Menulis tujuan kajian berdasarkan tajuk yang dipilih</li> <li>(c) Membina permasalahan kajian</li> <li>(d) Mengenal pasti bahan rujukan yang berkaitan dengan tajuk</li> <li>(e) Mencari sorotan kajian (<i>literature review</i>) yang sesuai dengan tema yang dipilih</li> <li>(f) Menggunakan pelbagai kaedah yang sesuai dalam penyelidikan sejarah</li> <li>(g) Merangka struktur esei</li> <li>(h) Mengaplikasikan teknik membuat rumusan dan kesimpulan</li> <li>(i) Mengaplikasikan format penulisan bibliografi</li> </ul>	

**TERHAD**

<i>Tempoh</i>	<i>Perkara</i>	<i>Tindakan Guru</i>	<i>Tindakan Calon</i>	<i>Catatan</i>
20 Januari hingga 28 Mac 2016	Menjalankan penyelidikan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membimbing calon menjalankan penyelidikan</li> </ul>	(a) Menjalankan penyelidikan (b) Menyaring dan mengklasifikasi maklumat yang didapati (c) Menulis esei	
31 Mac hingga 12 April 2016	(a) Penyerahan tugas ➤ Tarikh Akhir <b>31 Mac 2016</b>	(a) Mengarahkan calon membuat semakan terakhir kerja kursus (b) Menerima kerja kursus daripada calon	(a) Membuat semakan terakhir kerja kursus (b) Menghantar kerja kursus kepada guru/pemeriksa	Sekiranya pemeriksa mendapati bahawa calon mendapat markah yang baik dan tidak perlu dibaiki, pemeriksa tidak perlu memulangkan hasil penulisan kepada calon.
	(b) Pembentangan ➤ <b>31 Mac hingga 13 April 2016</b>	(a) Mengadakan sesi pembentangan kerja kursus (b) Menilai hasil kerja kursus (c) Menghantar markah kepada MPM	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membentangkan kerja kursus</li> </ul>	Calon boleh menambah baik markah masing-masing dengan membaiki semula esei ilmiah yang telah disemak oleh pemeriksa.
15 April hingga 13 Mei 2016	Penghantaran markah esei ilmiah kepada MPM	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menghantar markah calon kepada MPM melalui perisian <i>e-submission</i></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tidak berkenaan</li> </ul>	

## TERHAD



Tempoh	Perkara	Tindakan Guru	Tindakan Calon	Catatan
15 April hingga 17 Mei 2016	Penyelarasan markah kerja kursus (penulisan esei ilmiah) oleh Ketua Penyelaras Kebangsaan (KPK)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan calon untuk membentangkan esei ilmiah (<b>calon yang dipilih sahaja jika diminta oleh KPK</b>)</li> <li>Menyediakan sampel esei ilmiah calon yang dipilih/diminta oleh KPK untuk tujuan penyelarasan markah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membentangkan esei ilmiah dan menjawab secara lisan beberapa soalan yang dikemukakan oleh KPK dalam masa 10 hingga 15 minit pada tarikh dan masa yang ditetapkan</li> </ul>	
Enam bulan selepas pengumuman keputusan STPM	Penyimpanan evidens	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyimpan evidens</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tidak berkenaan</li> </ul>	

## 5 FORMAT PENULISAN

Esei hendaklah ditulis atau ditaip atas kertas saiz A4. Bersama-sama dengan esei ini, calon hendaklah melampirkan cadangan penyelidikan dan senarai bibliografi yang telah disediakan. Panjang esei tersebut adalah antara 2500 hingga 3000 patah perkataan, tidak termasuk kertas cadangan, nota kaki, jadual, rajah, graf, dan bibliografi.

Jika esei ditaip, penaipannya hendaklah menggunakan jarak dua baris, saiz *font* 12, font *Times New Roman*. Penulisan senarai bibliografi dan nota akhir esei hendaklah mengikut gaya Chicago yang boleh dirujuk pada halaman web berkenaan, iaitu, <http://www.chicagomanualofstyle.org>

Format muka depan esei ilmiah adalah seperti grafik di bawah.

	2.2 inci	
1 inci	 (1 inci) TAJUK ESEI ( )	1 inci
	 (1.5 inci) NAMA PELAJAR: NO. KAD PENGENALAN: ANGKA GILIRAN: NAMA SEKOLAH: NO PUSAT:	(1.5 inci)
	2.5 inci	

## **TERHAD**

Penerangan grafik muka hadapan esei ilmiah adalah seperti berikut:

- (a) Muka depan tidak perlu bergambar atau bergrafik
- (b) Muka depan menggunakan kertas keras berwarna biru muda sahaja
- (c) Perlu dikokot dan tidak perlu *ring binding*
- (d) Senarai kandungan tidak perlu dimasukkan dalam penulisan esei ilmiah

## **6 STRUKTUR PENULISAN**


Esei ilmiah hendaklah berstruktur seperti berikut:

- (a) Pengenalan esei diperuntukkan  $\frac{3}{4}$  muka halaman sahaja.
- (b) Badan esei hendaklah mengandungi perenggan yang signifikan dengan subtopik yang ditulis.
- (c) Bahagian kesimpulan diperuntukkan  $\frac{1}{2}$  halaman.
- (d) Semua esei menggunakan kaedah nota akhir atau nota kaki.
- (e) Penulisan rujukan/bibliografi hendaklah menggunakan kaedah Chicago (minimum bilangan rujukan ialah lima bahan).
- (f) Kertas cadangan esei ilmiah hendaklah dilampirkan pada bahagian lampiran.

**TERHAD**

**7 Borang yang digunakan**

(a) Contoh Kulit Luar Kerja Kursus

		
<b>MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA</b>		
<b>SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA</b>		
<b>SEJARAH</b>		
<b>KERJA KURSUS ESEI ILMIAH 940/4</b>		
<b>TAHUN 20XX</b>		
<b>TAJUK</b>	<input type="text"/>	
<b>NAMA CALON</b>	<input type="text"/>	
<b>NOMBOR KAD PENGENALAN</b>	<input type="text"/>	
<b>ANGKA GILIRAN</b>	<input type="text"/>	
<b>NAMA DAN ALAMAT SEKOLAH</b>	<input type="text"/>	
<b>PENGAKUAN CALON: SAYA MENGAKU BAHAWA KAJIAN INI ADALAH HASIL KERJA SAYA SENDIRI.</b>	<input type="text"/> Tandatangan Calon dan Tarikh	
<b>NAMA GURU PENILAI</b>	<input type="text"/>	
<b>TANDATANGAN GURU PENILAI</b>	<input type="text"/>	<b>Markah</b>
<b>TARIKH</b>	<input type="text"/>	<input type="text"/>

**TERHAD**

(b) Borang Markah Kerja Kursus Calon



**MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA  
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA 2016  
SEJARAH  
BORANG MARKAH KERJA KURSUS CALON**

Nama Calon:..... Angka Giliran:.....

No. Kad Pengenalan:.....

(Untuk diisi oleh guru/pemeriksa)

<b>Dimensi Penilaian</b>	<b>Markah Penuh</b>	<b>Markah Guru</b>	<b>Markah Ketua Penyelaras Kebangsaan (KPK)</b>
1. Pengetahuan	10		
2. Organisasi	10		
3. Komunikasi	10		
4. Gaya, Mekanik dan Dokumentasi	10		
5. Cadangan Kajian	07		
6. Pembentangan	08		
<b>Jumlah Markah</b>	<b>55</b>		

**PENGAKUAN GURU/PEMERIKSA**

Saya memperakui bahawa markah dan butiran di atas adalah benar.

Tandatangan Guru/Pemeriksa:.....

Nama:.....

No. Kad Pengenalan: .....

Tarikh: .....

No. Telefon (sekolah): .....

(bimbit) : .....

**PENGESAHAN KETUA PENYELARAS KEBANGSAAN**

Saya memperakui bahawa markah dan butiran di atas adalah benar.

Tandatangan KPK: .....

Nama: .....

No. Kad Pengenalan: .....

Tarikh: .....

No. Telefon (sekolah): .....

(bimbit) : .....

**TERHAD**

(c) Borang Rekod Kerja Kursus Calon



**MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA  
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA 2016  
SEJARAH  
BORANG REKOD KERJA KURSUS CALON**

No. Pusat/Angka Giliran: ..... No. Kad Pengenalan: .....

<b>Tarikh Aktiviti</b>	<b>Aktiviti dalam Penghasilan Kerja Kursus (Untuk diisi oleh calon)</b>	<b>Ulasan Guru</b>	<b>Tandatangan Calon</b>	<b>Tandatangan Guru</b>

*(Jadual aktiviti ini boleh melebihi satu halaman)*

**Pengesahan Guru Sejarah**

Saya mengesahkan bahawa calon ini telah menjalankan sendiri setiap tahap proses kerja dalam penghasilan kerja kursus bagi mata pelajaran Sejarah STPM 2016 mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia.

Tandatangan Guru: .....

Nama Guru: .....

Tarikh: .....

Cop Sekolah:

**Catatan:** *Borang ini hendaklah dibawa setiap kali pertemuan antara guru-pelajar dan dilampirkan pada bahagian depan (sebelum kerja kursus calon) apabila kerja kursus dihantar kepada guru untuk dinilai.*



## TERHAD

(d) Borang Perakuan Calon



**MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA  
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM)  
KERJA KURSUS ESEI ILMIAH 940/4**

### Borang Perakuan Calon

#### Mata pelajaran: Sejarah

Borang ini mestilah ditandatangani oleh calon dan guru/pemeriksa yang memeriksa kerja kursus calon, dan dilampirkan bersama dengan kerja kursus yang dihantar kepada guru/pemeriksa. Kegagalan calon menandatangani borang perakuan ini akan menyebabkan calon tidak diberikan sebarang markah untuk kerja kursus yang dihasilkan.

Nama Calon	
No. Kad Pengenalan Calon	
Angka Giliran Calon	
Nama Pusat Kerja Kursus Calon	

#### Makluman kepada calon:

Kerja kursus yang dihantar untuk dinilai mestilah merupakan hasil kerja calon sendiri. Kerja kursus calon boleh dibatalkan sekiranya calon didapati meniru kerja kursus calon lain atau membenarkan calon lain untuk meniru kerja kursus yang dihasilkan oleh calon sendiri, atau calon didapati menipu dalam apacara sekalipun bagi menghasilkan kerja kursus tersebut.

#### Perakuan Keaslian Kerja Kursus Calon:

Saya telah membaca dan memahami makluman di atas. Saya telah menghasilkan kerja kursus (esei ilmiah) Sejarah (940) tanpa bantuan daripada mana-mana pihak, kecuali dengan penerangan oleh pihak yang dibenarkan, iaitu guru mata pelajaran Sejarah di sekolah (untuk sekolah kerajaan dan calon sekolah bantuan kerajaan).

Tandatangan Calon	
Tarikh	

#### Perakuan oleh Guru/Pemeriksa:

Saya mengesahkan bahawa kerja kursus (esei ilmiah) Sejarah (940) telah dihasilkan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan. Saya telah memeriksa kerja kursus (esei ilmiah) calon dan saya berpuas hati bahawa sepanjang pengetahuan saya kerja kursus (esei ilmiah) tersebut telah dihasilkan sendiri oleh calon.

Tandatangan Guru/Pemeriksa	
Nama Guru/Pemeriksa	
Tarikh	
Alamat	

TERHAD



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA  
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA

BORANG RUMUSAN MARKAH KERJA KURSUS CALON

PENGGAL: \_\_\_\_\_ TAHUN: \_\_\_\_\_

MATA PELAJARAN: \_\_\_\_\_

NAMA SEKOLAH/ NO. PUSAT: \_\_\_\_\_

(Untuk diisi oleh guru/pemeriksa)

BIL.	ANGKA GILIRAN	NO. KAD PENGENALAN	MARKAH	CATATAN

(Senarai markah ini boleh melebihi satu halaman)

**PERAKUAN GURU/PEMERIKSA**

Saya memperakui bahawa markah dan butiran di atas adalah benar.

Tandatangan Guru/Pemeriksa:.....

Nama: .....

No. Kad Pengenalan: .....

Tarikh: .....

No. Telefon (sekolah): .....  
(bimbit): .....

**PERAKUAN PENGETUA**

Saya memperakui bahawa markah dan butiran di atas adalah benar.

Tandatangan Pengetua:.....

Nama: .....

No. Kad Pengenalan: .....

Tarikh: .....

No. Telefon (sekolah): .....  
(bimbit): .....

*Nota: Borang Rumusan Markah Kerja Kursus Calon ini hendaklah dihantar ke Majlis Peperiksaan Malaysia selewat-lewatnya seminggu selepas markah dimasukkan dalam perisian e-submission.*



## **TERHAD**

Sediakan **sebuah** esei ilmiah yang panjangnya antara 2500 hingga 3000 patah perkataan berdasarkan satu daripada tema di bawah ini.

### **Tema 1**

Sejarah sukan

### **Tema 2**

Sejarah kumpulan etnik/kaum/klan/suku kaum

### **Tema 3**

Sejarah tempat

### **Tema 4**

Sejarah kulinari